



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN
MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

19 OGOS 2022

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	
Berita Harian	
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• “Jangan sentuh, segera maklum pihak berkuasa”
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• “Saran pasang papan tanda amaran di Pulau Pangkor”
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Harakah	
Oriental News Daily	
The Borneo Post (KK)	
Bernamea	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		8	19.8.2022

BUDAK WARGA PERANCIS MAUT DISENGAT OBOR-OBOR

**Jangan sentuh,
segera maklum
pihak berkuasa**

H.M
19.8.22
ms 8

Lumut: Pengunjung di pantai Teluk Nipah, Pulau Pangkor, dekat sini, yang menemui obor-obor di pantai berkenaan atau sekitarnya diingatkan tidak menyentuh haiwan beracun itu sebaliknya memaklumkan kepada Jabatan Perikanan Perak.

Ia susulan kes kanak-kanak lelaki warga Perancis meninggal dunia selepas terkena sengatan obor-obor ketika mandi di pantai Teluk Nipah, Pulau Pangkor, dekat sini, Isnin lalu.

Pengarah Perikanan Perak, Noraishah Hashim berkata, orang ramai yang melihat atau menemui hidupan marin itu boleh mengambil gambar dan memberikan maklumat itu kepada pihaknya supaya dapat mengenal pasti spesies obor-obor terbabit.

Menurutnya, setakat ini,

pemantauan pihaknya di lokasi kejadian, tidak menemui penampakan obor-obor beracun dan berbahaya seperti dilaporkan media membabitkan kematian seorang kanak-kanak warga Perancis berusia lima tahun.

Katanya, Jabatan Perikanan tidak dapat mengenal pasti spesies obor-obor yang ada di pantai terbabit kerana ketika tinjauan diadakan kelmarin tidak menemukan hidupan itu.

"(Bagaimanapun) pihak kami akan mengadakan perbincangan dengan pihak berkaitan supaya dapat meletakkan papan tanda mengenai kehadiran obor-obor yang berbahaya.

"Selain meminta pengunjung lebih berhati-hati ketika mandi dan tidak menyentuh sebarang jenis obor-obor di laut," katanya ketika dihubungi.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		17	19.8.2022

Saran pasang papan tanda amaran di Pulau Pangkor

LUMUT - Jabatan Perikanan Perak akan mengadakan perbincangan dengan pihak berkaitan supaya memasang papan tanda mengenai kehadiran ubur-ubur yang berbahaya di pantai di Pulau Pangkor berikutan kejadian seorang kanak-kanak warga Perancis maut disengat haiwan itu pada Isnin lalu.

Pengarah Perikanan Perak, Noraishah Hashim berkata, papan tanda itu perlu bagi meng-

ingatkan pengunjung agar lebih berhati-hati ketika mandi di pantai dan tidak menyentuh sebarang jenis ubur-ubur di laut.

"Hasil kunjungan Jabatan Perikanan Perak ke lokasi yang terlibat, tiada penampakan ubur-ubur beracun dan berbahaya seperti yang dinyatakan.

"Buat masa ini, Jabatan Perikanan negeri tidak dapat mengenal pasti spesies ubur-ubur yang terdapat di pantai berkenaan

kerana semasa tinjauan diadakan, tiada penampakan ubur-ubur tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Justeru katanya, orang ramai yang melihat dan menjumpai ubur-ubur berkenaan agar dapat mengambil gambar dan memberikan maklumat tersebut kepada pihaknya supaya dapat mengenal pasti spesies ubur-ubur tersebut.

Menurut Noraishah, Jabatan



KERATAN Kosmo! 17 Ogos 2022.

Perikanan melalui Institut Penyelidikan Perikanan sebenarnya telah menjalankan kajian

Kosmo! 19.8.2022 Ms 17

mengenai ubur-ubur pada 2009, 2012 dan 2015 di perairan negara termasuk perairan Teluk Lekir dan Pulau Pangkor.

Menurut beliau, dapatan kajian mencadangkan tiga spesies ubur-ubur beracun yang dilaporkan berada di perairan Malaysia ialah Box Jelly atau bahasa saintifiknya *Chironex fleckeri*, Lion's mane jellyfish (*Cyanea capillata*) dan Portuguese Man of War (*Physalia physalis*).